

## MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMODIFIKASIKAN KARANGAN JENIS KEPERIHALAN KEPADALAPORAN MENGGUNAKAN TEKNIK PENJELMAAN

G Nagarajan A/L Gunasaran

[gnrajan80@gmail.com](mailto:gnrajan80@gmail.com)

Kementerian Pendidikan Malaysia

---

**ABSTRAK:** Penulisan karangan merupakan suatu komponen penilaian yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan pencapaian prestasi seseorang pelajar dalam subjek bahasa Melayu. Disebabkan penguasaan penulisan karangan menjadi aspek yang sangat dominan dalam bahasa Melayu, maka kajian mengenai penguasaan kemahiran menulis sebelum ini sangat terikat dengan penganalisisan penggunaan unsur-unsur tatabahasa seperti kesalahan ejaan, kesalahan struktur ayat dan kesalahan-kesalahan umum tatabahasa yang lain serta aplikasi gaya bahasa yang merupakan satu cabaran bahasa yang terbesar dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar ‘MESRA BELAJAR’ (*slow learners*). Kemahiran menulis karangan tidak dapat dikuasai dengan lebih efisien sekiranya bidang ini hanya dilihat dan dinilai daripada skop yang lebih besar dan luas untuk diamalkan oleh para pelajar sekolah rendah tanpa diberi keyakinan diri kepada mereka bahawa kemahiran menulis dapat dikuasai juga dengan menggunakan beberapa teknik efektif walaupun bidang ini dikatakan kompleks. Dengan kesedaran terhadap hakikat tersebut, kajian ini cuba menjelaskan langkah yang pragmatik untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dan laporan berdasarkan satu frame yang telah diselaraskan untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data diperoleh dengan cara pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 20 orang pelajar dan seorang guru di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil terpilih telah terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui ujian bulanan dan ujian pra. Hasil kajian memperlihat pelajar ‘Mesra Belajar’ masih tidak dapat menulis karangan jenis keperihalan dan laporan tidak lebih daripada 3 ayat disebabkan tidak dapat menyusun dan mengolah idea mengikut sesuatu frame tertentu. Perancangan kajian difokuskan kepada para responden supaya dapat mengenal pasti dan membezakan karangan jenis keperihalan dan karangan jenis laporan serta menghasilkannya. Hasil kajian juga menunjukkan teknik yang digunakan iaitu teknik penjelmaan dapat memberi impak yang sangat positif dalam meningkatkan kemahiran memodifikasi karangan jenis keperihalan yang dihasilkan kepada laporan sekurang-kurangnya dalam 12 ayat ringkas. Penemuan ini membuktikan bahawa kajian sintaksis yang dijalankan secara empirikal dan saintifik mampu meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dan laporan dalam kalangan pelajar ‘Mesra Belajar’ yang umumnya dipinggirkkan selalu dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta yang terpinggir automatik daripada sistem penilaian kebangsaan.

**KATA KUNCI:** Karangan jenis keperihalan dan laporan, penguasaan, teknik penjelmaan, memodifikasi, *mesra belajar*

---

### PENDAHULUAN

Bahasa Melayu merupakan suatu bidang ilmu yang digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan kebangsaan untuk melatih minda seseorang pelajar supaya dapat berfikir secara mantik dan bersistematis untuk menyampaikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan penemuan atau satu hasil kajian. Secara tabiinya, bahasa Melayu bersifat menggalakkan pembelajaran bermakna.

Sejarah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, bahasa Melayu dikategorikan sebagai satu subjek teras di semua peringkat sekolah di Malaysia sama ada sekolah rendah

mahupun sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Terdapat beberapa objektif dalam pengajaran subjek bahasa Melayu ini. Antaranya termasuklah melahirkan idea dan pendapat secara lisan dan bertulis, menggunakan kata, istilah, frasa, ungkapan dan ayat yang betul dan gramatis. Namun, statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa hasrat murni ini tidak dapat dicapai 100% disebabkan masih terdapat segelintir pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran menulis karangan dalam bahasa Melayu dengan sepenuhnya.

Sesungguhnya, penekanan terhadap aspek kemahiran menulis karangan telah pun diberikan sejak tahun 1988 apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (K.B.S.R) telah diperkenalkan. Kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan dalam K.B.S.R. 1988 telah dimurnikan dengan lebih teratur dalam K.B.S.R. semakan pada tahun 1993. Walau bagaimanapun, penggubalan dan semakan K.B.S.R. ini tidak menjamin pelajar benar-benar menguasai kemahiran menulis seperti yang diharap. Mohd. Nashuha Jamidin (1996) berpendapat bahawa objektif ini tidak dapat dicapai sepenuhnya seperti yang ditargetkan disebabkan oleh kemahiran menulis merupakan sesuatu yang melibatkan naluri dan paradigma pelajar.

Tambahan pula, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (K.S.S.R.) telah distrukturkan dengan lebih bersistematis lagi untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan para pelajar sekolah rendah dengan pendekatan modular. Unit-unit kecil yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (K.S.S.R.) terdiri daripada beberapa modul termasuklah Modul Penulisan (Zaini, 2013). Standard pembelajaran berkaitan penulisan karangan yang terangkum dalam bidang sintaksis ini mempunyai cakupan ilmu yang amat luas dan salah satu daripadanya ialah kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dan karangan jenis laporan.

Menyedari hakikat bahawa penulisan karangan merupakan sesuatu yang melibatkan naluri dan paradigma pelajar, kajian ini akan memfokuskan kemahiran mengarang yang diperoleh melalui pengalaman langsung pelajar dan digabungjalinkan dengan proses mengarang yang tidak membebankan pelajar. Kajian ini juga memberi keyakinan diri kepada para pelajar yang ‘Mesra Belajar’ dalam menghasilkan dua jenis karangan terpilih iaitu karangan jenis keperihalan dan laporan berdasarkan satu teknik penyelesaian pragmatik yang diselaraskan iaitu teknik penjelmaan. Tegasnya, para pendidik mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menimbulkan masalah penulisan karangan dalam kalangan pelajar ‘Mesra Belajar’ serta langkah-langkah pragmatik sewajarnya diimplementasikan untuk mengatasi masalah ini supaya semangat menulis dapat dipupuk dalam kalangan mereka seterusnya menghasilkan karangan-karangan yang mudah.

## **PERNYATAAN MASALAH**


Pengkaji yang juga merupakan seorang pendidik, menerusi pemerhatiannya mendapati bahawa kebanyakan pelajar ‘Mesra Belajar’ di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) menghadapi masalah dalam menulis karangan yang merupakan salah satu soalan wajib dijawab dalam peperiksaan. Masalah ini bukan sahaja menjelaskan markah mereka dalam peperiksaan malahan turut menyebabkan motivasi diri mereka menurun disebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran menulis karangan. Penguasaan kemahiran menulis merupakan sesuatu yang amat penting kerana penguasaan ini adalah penting untuk menjamin pencapaian para pelajar dalam kertas penulisan iaitu dalam ketiga-tiga bahagian yang diuji dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Banyak kajian telah dijalankan untuk menganalisis kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan. Terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengkaji kelemahan dan meningkatkan kemahiran menulis beberapa jenis karangan tertentu seperti karangan jenis naratif dan karangan jenis fakta. Namun, hampir kebanyakan kajian tersebut lebih berfokus kepada kesalahan umum tatabahasa dan 2 jenis karangan yang dinyatakan itu. Lebih-lebih lagi boleh dikatakan bahawa kajian-kajian sebelum ini tidak begitu berunsur spesifik kepada penguasaan karangan berdasarkan satu teknik yang diselaraskan dan juga tidak menyasarkan kumpulan pelajar ‘Mesra Belajar’. Tamsilnya, kajian Analisis Kesalahan Bahasa oleh Nor Asmah (2009), Mohd. Shahril (1996) dan Muhammad Salehudin (1993) dan

kajian Masalah Penulisan Naratif di kalangan Pelajar Sekolah Menengah oleh Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd. Fauzi Raja Musa (2001). Keadaan seperti ini menimbulkan lagi perasaan bimbang dan tidak serius akan penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar ‘Mesra Belajar’.

Justeru, atas dasar keprihatinan, kajian ini dijalankan dalam usaha mencari huraian-huraian tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar ‘Mesra Belajar’ Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) semasa menulis 2 jenis karangan terpilih yang sering diuji dalam peperiksaan U.P.S.R. dengan menyelaraskan teknik penulisan.

Graf di bawah menunjukkan hasil tinjauan iaitu beberapa permasalahan pembelajaran yang telah dikenal pasti.



**Graf 1 Masalah yang Dihadapi Pelajar ‘Mesra Belajar’ SJK (T) dalam Penguasaan Kemahiran Menulis**

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti faktor kekeliruan para pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) terhadap penulisan karangan jenis keperihalan.
2. Mengenal pasti faktor kekeliruan para pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) terhadap penulisan karangan jenis laporan.
3. Meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dengan menggunakan klu pertanyaan.
4. Meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan jenis laporan dengan menggunakan teknik penjelmaan daripada karangan jenis keperihalan.
5. Meningkatkan keyakinan diri para pelajar ‘Mesra Belajar’ dalam menulis karangan.

### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan memberi tumpuan pada analisis data secara kuantitatif. Hasil kajian yang telah diperoleh secara kuantitatif telah dihuraikan secara kualitatif.

### Populasi Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada 20 orang murid tahun 5 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang terpilih. Mereka terdiri daripada aras kumpulan pelajar ‘Mesra Belajar’ (gagal/lulus). Penguasaan kemahiran mengarang subjek kajian ini adalah berbeza-beza kerana mereka memiliki latar belakang yang kepelbagai. 7 orang murid berasal dari kawasan bandar, 5 orang murid dari kampung manakala 8 orang murid adalah

dari ladang. Persekutaran dan latar belakang pelajar turut mempengaruhi penguasaan kemahiran menulis seseorang pelajar. Untuk menjayakan kajian ini, 3 jam setiap minggu digunakan di luar waktu persekolahan. Mereka mengikuti kelas tambahan bahasa Melayu sebanyak 6 waktu yang bersamaan dengan 180 minit (3 jam) seminggu.

Rasional pemilihan sampel kajian ini dalam kalangan pelajar tahun 5 kerana tahap tersebut merupakan tahap permulaan pelajar mencorakkan hala tuju masa depan mereka ke arah peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Pada tahap ini, mereka mula diberi pendedahan dan penekanan yang banyak untuk menguasai bahasa Melayu. Dengan ini, kelemahan mereka terutamanya dalam penulisan karangan jenis keperihalan dan laporandapat diatasi pada peringkat awal lagi serta dapat menjamin keputusan yang memberangsangkan dalam UPSR.

### **Instrumen Kajian**

Beberapa instrumen kajian telah digunakan dalam kajian ini. Praujian telah dijalankan sebelum mengimplementasikan kajian ini dengan sepenuhnya. Praujian ini bertujuan untuk memastikan tahap pemahaman mereka dalam bidang penulisan karangan. Mereka juga turut diberikan borang tinjauan untuk mengenal pasti strategi yang digunakan pelajar semasa membuat latihan tentang karangan.

Selain itu, pengkaji juga memerhatikan respons serta cara belajar para pelajar yang diberi penekanan sepanjang kajian ini. Pemerhatian ini pula, bertujuan untuk melihat reaksi pelajar terhadap material serta strategi pembelajaran yang digunakan. Segala pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji telah direkodkan.


Seterusnya, tugas individu yang dibuat oleh pelajar dalam lembaran kerja turut diteliti. Seorang guru bahasa Melayu telah diminta bantuan untuk menyemak lembaran kerja para pelajar. Setelah diperiksa hasil kerja pelajar ini telah disaring dan diasangkan mengikut 3 band iaitu band cemerlang, band lulus dan band belum menguasai.

Pada akhir fasa, pelajar menduduki pascaujian. Ujian ini bertujuan untuk menilai kemajuan yang ditunjukkan pelajar setelah melalui pengajaran menggunakan penyelesaian pragmatik menulis karangan jenis keperihalan dan laporan berdasarkan teknik penjelmaan selama 4 minggu.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan model kajian tindakan yang telah dicadangkan oleh Kemmis dan McTaggart (2000). Rajah 1 menunjukkan model yang dicadangkan oleh Kemmis dan McTaggart (2000).

Rajah 1 Model Kajian Kemmis dan McTaggart (2000)



Kajian ini terbahagi kepada 2 komponen utama seperti berikut:

Komponen pertama: Mengkonstruk ayat-ayat ringkas berdasarkan klu pertanyaan dan menyesuaikan ayat-ayat tersebut supaya menjadi karangan jenis keperihalan

Komponen kedua: Menjelmakkan karangan jenis keperihalan yang dihasilkan kepada karangan jenis laporan mengikut format karangan yang ditetapkan

Setiap komponen di atas dibahagikan kepada 3 fasa iaitu:

Fasa pertama : Fasa pengenalan

Fasa kedua : Fasa pengukuhan

Fasa ketiga : Fasa aplikasi

#### **Fasa pertama : Pengenalan**

#### **Mengkonstruk Ayat-ayat Ringkas Berdasarkan Klu Pertanyaan**

Pengkaji telah mulakan fasa pertama ini dengan memperkenalkan asas sintaksis bahasa Melayu iaitu pembentukan ayat yang menjadi platform penting dalam penulisan karangan. Sebanyak 60 ayat tanya ringkas telah disediakan. Kesemua 60 ayat tanya tersebut telah disediakan dengan menggunakan klu pertanyaan yang telah diselaraskan. Kemudian, para pelajar diajar tentang cara membina jawapan bagi soalan-soalan tersebut. Pelajar dibimbang khas secara beransur maju untuk menjawab ayat-ayat tanya tersebut. Dalam konteks ini, 6 waktu pembelajaran yang bersamaan dengan 3 jam digunakan untuk mengukuhkan konsep pemahaman para pelajar 'Mesra Belajar' yang dipilih untuk kajian ini. Pengulangan semula telah dijalankan

dengan menggunakan model pemikiran induktif. Teknik jadual digunakan untuk mengukuhkan konsep pemahaman para pelajar. Berikut ditunjukkan jadual contoh yang digunakan:

**Jadual 1 Mengkonstruksi Ayat-ayat Ringkas Berdasarkan Klu Pertanyaan yang Diselaraskan**

KLU PERTANYAAN	AYAT TANYA
Bila?	Bilakah kamu menyaksikan pameran buku itu? Bilakah kamu bertolak dari rumah ke pameran buku itu.
Di Mana ?	Di manakah pameran buku itu diadakan? (ii) Di manakah dewan itu terletak?
Mengapa ?	Mengapakah pameran buku itu telah diadakan? (Tujuan utama) (ii) Mengapakah pameran buku itu telah diadakan ? (Tujuan sampingan)
Siapa?	Siapakah yang menganjurkan pameran buku itu? (ii) Siapakah yang menyaksikan pameran buku itu?
Apa?	Apakah aktiviti yang telah dijalankan? (ii) Apakah aktiviti yang menarik perhatian kamu?
Bagaimana?	Bagaimanakah perasaan kamu setelah menyaksikan pameran buku itu? (ii) Apakah harapan kamu?

Seterusnya, pengkaji telah menjelaskan kepentingan menyelaraskan klu pertanyaan. Pengkaji juga menegaskan sekali lagi konsep penyelarasan klu pertanyaan dan diminta semua pelajar supaya mengikut penyelarasan yang dilakukan itu. Penyelarasan klu pertanyaan yang dibuat adalah seperti berikut:

B	D	M	S	A	B
Bila?	Di Mana?	Mengapa?	Siapa?	Apa?	Bagaimana?

Tujuan utama penyelarasan klu pertanyaan ini adalah untuk membebaskan diri pelajar-pelajar ‘Mesra Belajar’ ini daripada kebelengguan menghasilkan karangan yang selama ini dianggap sebagai satu-satu yang membebankan. Penyelarasan ini juga memberi keyakinan diri kepada para pelajar dan menulis karangan tanpa rasa benci dan bimbang.

Sebagai langkah pengulangan dan juga langkah pengukuhan dalam fasa pertama ini, pengkaji telah mengedarkan sebuah petikan cerita ringkas yang mengandungi 12 ayat kepada para pelajar. Para pelajar diminta untuk mengenal pasti ayat-ayat dalam cerita itu mengikut klu pertanyaan yang telah dipelajari. Model pemikiran induktif digunakan sekali lagi.

Setelah tugas yang diberikan itu selesai, para pelajar diminta untuk menjalankan lintas galeri. Dalam lintas galeri itu, pelajar yang dipilih secara rawak untuk membentang hasil tugas, diminta untuk menerangkan bagaimana cara untuk membina jawapan bagi ayat-ayat tanya.

Sebagai menggulung fasa ini, pengkaji telah menegaskan bahawa berbantuan klu pertanyaan ayat-ayat ringkas dapat dibina.


**Fasa kedua : Pengukuhan**

Menyesuaikan ayat-ayat yang dibina berdasarkan klu pertanyaan supaya menjadi karangan jenis keperihalan

Tujuan utama fasa ini adalah untuk memastikan para pelajar ‘Mesra Belajar’ dapat menghasilkan karangan jenis keperihalan sekurang-kurangnya dalam 12 ayat ringkas berdasarkan klu pertanyaan. Sebagai langkah


membentuk keyakinan diri dalam kalangan pelajar kumpulan ini semasa menulis karangan, konsep klu pertanyaan dibandingkan dengan konsep umum yang digunakan selalu. Berikut ditunjukkan konsep karangan umum dan konsep klu pertanyaan yang diselaraskan.

Rajah 2 Konsep Umum Karangan



Fasa ini dimulakan dengan imbas kembali pelajaran lepas. Kemudian, menerusi teknik soal jawab, pengkaji telah mendapat respons pelajar tentang klu pertanyaan. Dalam fasa ini, klu pertanyaan yang merangkumi kesemua konsep karangan yang ditunjukkan di atas telah digunakan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dengan mudah. Berikut adalah klu pertanyaan yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 3 Klu Pertanyaan untuk Menghasilkan Karangan Jenis Keperihalan




Fasa ini lebih mengutamakan keyakinan diri pelajar dan juga bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan pelajar. Justeru, binaan asas karangan seperti pendahuluan, isi-isi penting dan penutup, teknik menulis pendahuluan, teknik menjana idea dan sistem pemerengganan tidak dibincangkan bersama pelajar. Dalam erti kata yang lain, kesemua bahagian tersebut digugur dan digantikan seperti berikut:

B Bila?	D Di Mana?	M Mengapa?	S Siapa?	A Apa?	B Bagaimana?
↓	↓	↓	↓	↓	↓
Perenggan 1	Perenggan 2	Perenggan 3	Perenggan 4	Perenggan 5	Perenggan 6

Pengkaji telah menunjukkan beberapa contoh. Para pelajar dibimbing langkah demi langkah tentang cara-cara bertanya dan menjana idea yang tepat berdasarkan soalan yang diajukan. Satu contoh yang digunakan dalam kajian ditunjukkan di bawah:

**Rajah 4 Klu Pertanyaan yang Digunakan untuk Menjana Idea Karangan Jenis Keperihalan**



Seterusnya, para pelajar turut diberi penghayatan yang mendalam berdasarkan soalan-soalan contoh pelbagai variasi dan aras tentang karangan jenis keperihalan. Pelajar dibimbing untuk menjana idea dan mengembangkan idea yang dijana itu kepada ayat-ayat yang ringkas. Akhirnya, mereka dibimbing untuk memindahkan ayat-ayat yang dibina itu ke dalam 6 perenggan yang berasingan berdasarkan klu pertanyaan. Dengan ini, para pelajar kumpulan ini bebas daripada masalah menguasai kemahiran menulis karangan jenis keperihalan.

Sebagai langkah pengukuhan, pengkaji telah mengedarkan satu set latihan dan diminta menjawab soalan itu iaitu menulis sebuah karangan jenis keperihalan. Pengkaji telah memerhati dan menilai tahap pemahaman para pelajar yang menggunakan klu pertanyaan dan menulis karangan dengan lengkap. Tujuan latihan ini adalah untuk membantu pelajar menghafal klu pertanyaan.

Pengkaji merumuskan fasa ini dengan mengimbas kembali dan menegaskan klu pertanyaan yang digunakan untuk mengukuhkan konsep pemahaman pelajar tentang kemahiran menulis karangan jenis keperihalan.

### **Fasa kedua : Aplikasi**

Menjelmakan karangan jenis keperihalan yang dihasilkan kepada karangan jenis laporan mengikut format karangan yang ditetapkan

Fasa aplikasi ini bertujuan untuk memastikan para pelajar ‘Mesra Belajar’ dapat menguasai sekurang-kurangnya 2 jenis karangan iaitu sejenis karangan tidak berformat dan sejenis karangan berformat dalam tempoh yang pendek dengan menggunakan satu teknik mudah lebih-lebih lagi yang efektif. Dengan ini, kumpulan pelajar ini dapat diajar dengan jenis-jenis karangan yang lain pada masa akan datang dan akhirnya mereka akan menguasai kesemua jenis karangan yang dicadangkan dalam dokumen standard dan juga tidak akan terlepas dari landasan peperiksaan.

Dalam usaha mencapai objektif ini, pengkaji telah menggunakan teknik penjelmaan dalam fasa ini. Sebelum memulakan fasa ini, pengkaji telah mengajarkan konsep kata ganti nama diri. Para pelajar dibimbang tentang cara-cara menukar kata ganti nama diri dari bentuk tunggal kepada bentuk jamak mengikut situasi tertentu. Pengkaji telah mengedarkan satu set latihan yang mengandungi 10 ayat. Dalam kesemua ayat yang disediakan itu terdapat satu kata ganti nama diri bentuk tunggal. Pelajar diminta mengenal pasti kata ganti nama diri tersebut. Kemudian, pengkaji meminta murid untuk menukar kata ganti nama bentuk tunggal itu kepada bentuk jamak. Semasa proses penukaran ini, murid akan mencari klu dengan menggunakan kaedah berfikir. Akhirnya, murid menukar kata ganti nama diri dengan betul. Dengan latihan ini, murid berjaya mengukuh konsep pemahaman mereka tentang penggunaan kata ganti nama diri dalam sesebuah karangan.

Selanjutnya, pengkaji memperkenalkan format laporan kepada para pelajar. Bahan bercetak yang mengandungi format laporan diberikan kepada pelajar. Pelajar diberi 5 latihan untuk mengingati format laporan. Kaedah akronim turut digunakan supaya para pelajar dapat mengingati format laporan buat selama-selamanya. Akronim yang digunakan adalah seperti berikut:

T Tiada	I Insiden	P Pahit
↓ ↓ ↓		
Tajuk	Isi	Pengakuan

Akhirnya, pengkaji memperkenalkan teknik penjelmaan untuk menjelmakan karangan jenis keperihalan kepada laporan. Pelajar menukar kata-kata ganti nama bentuk tunggal dalam karangan jenis keperihalan ke bentuk jamak untuk menghasilkan karangan jenis laporan. Sesungguhnya, teknik menukar ayat cakap ajuk kepada cakap pindah digunakan dalam proses penjelmaan ini. Dalam fasa ini, latihan dipelbagaikan supaya pelajar berasa tidak keliru dengan karangan jenis keperihalan dan laporan. Pengkaji membimbang para pelajar langkah demi langkah. Berikut adalah beberapa langkah yang telah diambil untuk memastikan para pelajar dapat menjelmakan karangan ini ke laporan.

**Rajah 5 Pengaplikasian Teknik Penjelmaan Langkah demi Langkah**


<b>TEKNIK PENJELMAAN</b> <i>Langkah demi Langkah</i>	<b>LANGKAH 1</b> ☞ Format laporan diperkenal dan diperkuuh dengan 10 latihan asas
	<b>LANGKAH 2</b> ☞ Membimbing cara-cara menukar kata ganti nama diri bentuk tunggal kepada bentuk jamak
	<b>LANGKAH 3</b> ☞ Pelajar mengisi tempat kosong dan melengkapkan karangan jenis laporan menerusi teknik penjelmaan
	<b>LANGKAH 4</b> ☞ Pelajar merangka karangan jenis laporan bagi soalan yang diberikan
	<b>LANGKAH 5</b> ☞ Pelajar menjelaskan karangan jenis laporan dengan selengkapnya

**DAPATAN KAJIAN**

Walaupun pelajar melakukan beberapa kesalahan yang merangkumi pelbagai aspek bahasa, tetapi fokus utama pengkaji adalah untuk mengenal pasti faktor ketidakbolehan pelajar dalam menulis karangan. Seterusnya, mencari langkah-langkah pragmatik yang dapat diambil untuk menyelesaikan masalah ini serta melatih mereka untuk menguasai sekurang-kurangnya 2 jenis karangan iaitu karangan jenis keperihalan dan laporan berbantuan teknik penjelmaan yang diselaraskan bagi kedua-dua jenis karangan ini. Justeru, pengkaji memperoleh dapatan dalam 2 dimensi iaitu faktor kekeliruan dan tahap penguasaan (langkah penyelesaian).

**Dapatan Praujian**

Keputusan praujian membuktikan bahawa daripada 20 orang murid, 2 orang pelajar sahaja yang mendapat gred cemerlang iaitu 75% ke atas dalam ujian ini. Terdapat juga 10 orang murid gagal dalam ujian ini iaitu 50%. Manakala 6 orang pelajar yang bersamaan dengan 30% pula hampir mencapai matlamat dan 2 orang pelajar atau sebanyak 10% memenuhi matlamat. Graf di bawah menunjukkan keputusan praujian:

**Graf 2 Keputusan Praujian**

Pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan untuk memperoleh dapatan terperinci. Pemerhatian dan analisis ini telah dilakukan pada setiap fasa. Berikut disertakan butiran dan dapatan yang telah dikumpulkan.

**Jadual 2 Pemerhatian Fasa 1**

BIL.	BUTIRAN PEMERHATIAN	BILANGAN PELAJAR			JUMLAH
		A	B	C	
1.	Pelajar dapat membaca soalan	10	6	4	20
2.	Pelajar dapat memahami soalan	8	8	4	20
3.	Pelajar dapat membezakan maksud setiap kata tanya yang digunakan	10	8	2	20
4.	Pelajar dapat membina jawapan berdasarkan ayat tanya yang diberikan	10	5	5	20
5.	Pelajar dapat mengikuti pelajaran dengan bersungguh-sungguh	15	2	3	20

Kunci:

- A - Cemerlang
- B - Lulus
- C - Gagal

**Jadual 3 Pemerhatian Fasa 2**

BIL.	BUTIRAN PEMERHATIAN	BILANGAN PELAJAR			JUMLAH
		A	B	C	
1.	Pelajar dapat membaca soalan-soalan contoh peperiksaan	10	6	4	20
2.	Pelajar dapat memahami kehendak soalan	9	5	6	20

3.	Pelajar dapat membezakan karangan berformat dan karangan tidak berformat	10	5	5	20
4.	Pelajar dapat menggunakan klu pertanyaan	10	5	5	20
5.	Pelajar berupaya menjana idea berdasarkan klu pertanyaan (sekurang-kurangnya 2 ayat bagi setiap klu)	10	5	5	20
6.	Pelajar dapat mengembangkan idea yang dijana kepada ayat-ayat ringkas	10	6	4	20
7.	Pelajar dapat memindahkan ayat-ayat yang dibina ke dalam bentuk perenggan yang akhirnya menjadi karangan jenis keperihalan dalam 6 perenggan	10	6	4	20

Kunci:

- A - Cemerlang
- B - Lulus
- C - Gagal

#### Jadual 4 Pemerhatian Fasa 3

BIL.	BUTIRAN PEMERHATIAN	BILANGAN PELAJAR			JUMLAH
		A	B	C	
1.	Pelajar dapat memahami format karangan jenis laporan	12	4	4	20
2.	Pelajar dapat mencari kata-kata yang perlu dijelmakan dari karangan jenis keperihalan ke laporan	10	6	4	20
3.	Pelajar berupaya menjelmakan karangan jenis keperihalan ke laporan dengan sepenuhnya	12	4	4	20

Kunci:

- A - Cemerlang
- B - Lulus
- C - Gagal

Pemerhatian yang menyeluruh membuktikan bahawa para pelajar telah bereaksi positif terhadap penyelesaian pragmatik bagi penjelmaan karangan jenis keperihalan ke laporan dalam kajian yang telah dijalankan. Dapat dikatakan bahawa kajian selama 4 minggu ini telah membawa hasil yang positif dalam mengatasi masalah menulis karangan dalam kalangan pelajar 'Mesra Belajar'. Strategi yang digunakan juga tidak banyak diubah selepas pengajaran disebabkan material pengajaran dan pembelajaran yang digunakan itu dapat mengimpres para pelajar untuk mengikuti pelajaran dengan hati dan minda yang terbuka.

Jadual di bawah pula menunjukkan prestasi pencapaian pelajar bagi tugas individu selama 4 minggu kajian ini. Tugasan pelajar dianalisis setelah diperiksa. Kemudian, tugasan tersebut dikategorikan kepada 4 band seperti yang tertera dalam jadual di bawah ini.

#### Jadual 5 Analisis Pencapaian Pelajar dalam Tugasan Individu

BAND	KETERANGAN BAND	GRED	BIL. PELAJAR	PERATUS
Cemerlang	Pencapaian melangkaui matlamat	>76%	5	25%
Lulus	Pencapaian memenuhi matlamat	70% - 75%	10	50%
Baik	Pencapaian hampir dengan matlamat	50% - 69%	5	25%


Gagal	Pencapaian di bawah matlamat	0% - 49%	0	0
-------	------------------------------	----------	---	---

Dapatan kajian ini menunjukkan 10 orang pelajar yang lemah dan gagal dalam praujian kini berjaya memperlihatkan kemajuan dengan lulus baik tugas individu mereka dengan kelulusan sebanyak 5 orang pelajar. Selain itu, jumlah pelajar cemerlang juga telah meningkat daripada 2 orang pelajar kepada 5 orang pelajar. Bagi 6 orang pelajar yang hampir mencapai matlamat, mereka kini berjaya memenuhi matlamat dengan kelulusan sebanyak 10 orang pelajar iaitu sekurang-kurangnya mencapai gred 70% - 75% dalam tugas mereka.

### Dapatan Pascaujian

Pada akhir minggu ke-4, para pelajar telah menjalani pascaujian. Tujuan ujian ini adalah untuk mengukur pencapaian pelajar secara keseluruhan kajian yang dijalankan. Graf di bawah menunjukkan keputusan pascaujian.

**Graf 3 Keputusan Pascaujian**



Jadual di bawah pula menunjukkan perbezaan pencapaian pelajar dalam praujian dan pascaujian.

**Jadual 6 Perbezaan Praujian dan Pascaujian**

BAND	PRAUJIAN (Bil.pelajar)	PASCAUJIAN (Bil.pelajar)	PERBEZAAN (Bil. Pelajar)
Cemerlang	2	5	+3
Lulus	6	10	+4
Baik	2	5	+3
Gagal	10	0	-10
JUMLAH	20	20	-

Berdasarkan dapatan ini, prestasi pelajar telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Daripada hanya 2 orang pelajar cemerlang, kini telah meningkat kepada 5 orang pelajar. 10 orang pelajar yang pada mulanya gagal kini telah berjaya lulus dan mendapat keputusan yang baik dengan peningkatan seramai 15 orang pelajar. Keadaan ini membuktikan bahawa langkah pragmatik yang digunakan dalam kajian berjaya mencapai objektif iaitu membantu para pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan jenis keperihalan dan laporan melalui teknik penjelmaan.

## KESIMPULAN

Pendidikan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di negara kita juga penting untuk memartabatkan bahasa Melayu bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan turut di peringkat global. Pendekatan yang telah digunakan dalam kajian ini, membuktikan bahawa penguasaan bahasa Melayu terutamanya penulisan karangan dalam kalangan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dapat dipertingkat jika ada langkah pragmatik yang sesuai. Faktor umum seperti budaya kurang membuat latihan mengarang, sikap dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadi pencetus utama pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) gagal menguasai kemahiran menulis karangan bahasa Melayu. Pada masa yang sama faktor kekeliruan seperti cara persempahan dan format karangan turut menyebabkan penguasaan kemahiran menulis karangan mereka masih berada pada tahap yang membimbangkan dan kritikal. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang terlalu berorientasikan peperiksaan sewajarnya diubah dengan mempelbaikannya. Hal ini demikian kerana rumus-rumus tatabahasa sahaja tidak mampu melahirkan insan yang cekap berbahasa. Dalam konteks ini, kemahiran linguistik dan bukan linguistik perlu diadun untuk meningkatkan kecekapan berbahasa mereka. Adunan yang bersistematis ini, diharap dapat menarik minat pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan dan seterusnya meningkatkan tahap kecekapan berbahasa dalam kalangan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Abdul Aziz Talib. (1989). *Pengajaran dan pengujian bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abd. Aziz Abd. Talib (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Ahmad. (1998). *Persepsi dan kepercayaan guru dan pelajar terhadap karangan berkualiti. Disertasi untuk sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan di Negeri Selangor*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Abdul Shukor Shaari. (2001). *Penulisan karangan: Beberapa proses yang harus*. Dewan Bahasa. Februari, 1 (2): 24-27.
- Ahmad Khair Mohd. Nor. (2005). *Menulis membina keterampilan berfikir*. Pelita Bahasa. Julai, 18 (7): 12-14.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Catherine C Lewis. (2011). *Lesson study step by step*. Portsmouth NH: Heinemann Publications.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ganda Sari Chokri. Rafidah Abdul Razak (2013). *Pembinaan pakej pengajaran imbuhan secara berkesan*. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.
- Jon Saphier. Mary Ann Haley-Speca. Rovert Gower (2008). *The skillful Teacher*. 6<sup>th</sup> Edition. Acton, MA: Research For Better Teaching, Inc.
- Marohaini Yusoff. (2004). *Perlakuan dan proses menulis karangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan UM.
- Supian Mohamad Noor. (1994). *Analisis kesalahan penggunaan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat KBSM: satu kajian kes*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.